

Projek Empangan Klau diteruskan

RAUB 8 Feb. - Kerajaan Pahang akan meneruskan pembinaan Empangan Klau bagi membekalkan air mentah kepada penduduk di Lembah Klang kerana ia adalah projek kerajaan Persekutuan, kata Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob.

Beliau berkata, walaupun mendapat bantahan daripada beberapa pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) tetapi projek itu tetap diteruskan kerana kesan kemusnahan dan kerosakan alam sekitar adalah minimum dan tidak seteruk seperti yang digambarkan.

Katanya kerajaan persekutuan tahu keadaan sebenar kerana kajian telah dibuat mengenai kesan terhadap alam sekitar dan kemusnahan ekologi ekoran pembinaan empangan itu.

"Pembinaan Empangan Klau akan berjalan mengikut jadual. Keuntungan yang bakal dinikmati oleh kerajaan negeri hasil penjualan air mentah itu masih terlalu awal untuk dinilai," katanya kepada pemberita di sini.

Adnan juga berkata proses penswastaan Jabatan Bekalan Air

(JBA) Pahang sudah berada di peringkat akhir dan akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Beliau berkata penswastaan JBA itu akan membolehkan rakyat mendapat perkhidmatan bekalan air yang lebih baik.

"Kerajaan negeri sanggup meminjam RM1.3 bilion bagi membina lebih banyak kawasan tadahan air, menaik taraf empangan dan membaiki serta mengganti saluran paip usang bagi mengurangkan kadar kehilangan air," katanya.

— Bernama

Kerajaan Persekutuan tahu keadaan sebenar kerana kajian telah dibuat mengenai kesan terhadap alam sekitar dan kemusnahan ekologi ekoran pembinaan empangan itu

**ADNAN
YAAKOB**
Menteri Besar
Pahang

